

Headline	SHERRY gugup, NAD makin matang		
MediaTitle	Mingguan Wanita		
Date	01 Aug 2013	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	135,036
Page No	20to22	Readership	320,000
Language	Malay	ArticleSize	1636 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 13,912
Frequency	Weekly	PR Value	RM 41,735



■ ■ ■ CERITA PENGHIAS MUKA DEPAN

Oleh: NAIMAH MUHAMMAD | Foto: MUHAMMAD HAFIZ ADNAN | Penata Konsep & Gaya: IBRAHIM DARMAN | Solekan: MAZMERA dan MHD FARIDZOL ZAFUAN | Pakaian: BUTIK JEDAN, SACC MALL, SHAH ALAM, SELANGOR.

SHERRY gugup, NAD makin matang

Sherry Ibrahim dan Nad Zainal dua pelakon menarik perhatian penonton ketika ini. Bukan saja kerana raut wajah yang ayu tapi juga lakonan mereka yang berkesan hingga menyentuh hati.

Syarizad Haji Ibrahim atau lebih dikenali sebagai Sherry Ibrahim membuktikan dia masih berbisa walaupun sudah tiga tahun menyepi dalam dunia seni. Buktinya lakonannya dalam drama Teduhan Kasih baru-baru ini mendapat sambutan hangat hingga ratingnya mencecah jutaan penonton.

"Saya sendiri tidak percaya dengan respons yang diberikan oleh peminat dalam drama Teduhan Kasih itu. Maklumlah sudah lama tidak berlakon, perasaan tidak yakin dan gugup tidak dapat saya elakkan tambahan pula diberi watak utama sebagai Iffa.

"Mungkin sudah rezeki saya. Tawaran untuk membintangi drama ini datang ketika saya habis kontrak berkhidmat sebagai pramugari bersama Qatar Airways. Ketika itu saya sedang mencari peluang untuk bekerja dengan syarikat penerbangan lain.

"Atas sebab tidak mahu melepaskan peluang yang datang, saya bersetuju untuk menerima tawaran lakonan ini. Saya amat berterima kasih kepada pengarah dan penerbit kerana beri kepercayaan kepada saya,"ungkap pelakon berusia 30 tahun ini.

Sambungannya sebelum terlibat dalam drama Teduhan Kasih, dia terlebih dahulu menerima tawaran drama bersiri Setia Hujung Nyawa sebanyak 16 episod di TV3. Meski memegang peranan kecil akunya dia tetap teruja kerana kembali berlakon selepas agak lama meninggalkan lapangan itu.

Hati Sherry sudah dimiliki

Akui anak kelahiran Petaling Jaya, Selangor ini bukan mudah untuk dirinya bergiat kembali dalam dunia seni. Ceritanya untuk berhadapan dengan watak lakonan yang dibawa dalam drama Teduhan Kasih itu dia membuat persiapan dengan membaca novel asal terlebih dahulu.

"Berhadapan dengan dunia seni yang semakin berkembang dan mutu lakonan yang semakin mantap oleh pelakon sudah tentu



Headline	SHERRY gugup,NAD makin matang		
MediaTitle	Mingguan Wanita		
Date	01 Aug 2013	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	135,036
Page No	20to22	Readership	320,000
Language	Malay	ArticleSize	1636 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 13,912
Frequency	Weekly	PR Value	RM 41,735

“Semasa menjadi pramugari di syarikat penerbangan antarabangsa rutin berpuasa amat menguji keimanan. Mengalami dehidrasi perkara biasa di samping berhadapan waktu berbuka yang berbeza setiap negara yang dilaluinya.”
- Sherry.

memberi sedikit kegusaran kepada saya. Tapi saya anggap ia sebagai cabaran untuk berusaha memperbaiki mutu lakonan saya.

“Tidak terkecuali saya banyak membuat penyelidikan tentang apa yang dikehendaki oleh dunia seni sekarang ini. Saya melihat bagaimana artis-artis berlakon dan membuat kajian bagaimana filem itu mendapat sambutan yang menggalakkan. Selain itu, saya turut menimba ilmu dan cuba memberikan yang terbaik seperti dikehendaki oleh pengarah,” ujar Sherry yang satu ketika pernah menjalin cinta dengan pelakon, Ashraf Muslim.

Apabila ditanya tentang kehidupan peribadinya Sherry mengakui hatinya kini sudah dimiliki. Dia bagaimanapun enggan mendedahkan identiti kekasihnya tetapi sudi berkongsi sedikit cerita.

“Kami dalam proses mengenali hati budi masing-masing. Dia dari Mauritius. Kami berkawan lebih kurang setahun. Apa yang boleh saya katakan, dia hanya lelaki biasa dan ia boleh dikatakan perhubungan jarak jauh. Dia di Arab dan saya di sini.

“Namun kami kerap berhubung. Buat masa ini kami belum terfikir apa-apa perancangan masa depan. Saya serahkan soal jodoh ini pada Allah, jika sudah sampai insya-Allah saya akan bersedia dengan perhubungan ini,” jelas Sherry yang tidak mahu dikaitkan dengan Ashraf lagi.

Perlu kawal diri

Pada bulan Ramadan ini imbas Sherry dia tidak dapat melupakan pengalaman ketika berkhidmat sebagai pramugari.

“Semasa menjadi pramugari di syarikat penerbangan antarabangsa rutin berpuasa amat menguji keimanan. Mengalami dehidrasi perkara biasa di samping berhadapan waktu berbuka yang berbeza setiap negara yang dilaluinya.

“Ada hari tempoh berpuasa panjang dan waktu pendek pula. Oleh itu saya harus pandai mengawal diri dan pandai menjaga kesihatan,”ungkapnya yang sudah pun membuat persiapan raya.

“Saya sudah menyediakan baju kurung kapas yang biasa saya kenakan ketika hari raya. Baju ini sebenarnya memudahkan saya membuat kerja-kerja dapur. Lagi pun memang tugas menyediakan air dan menghidangkan makanan pada hari raya menjadi rutin saya,” akhiri Sherry.

Drama mendewasakan Nad Zainal

Farah Nadia Zainal Abidin atau nama komersialnya Nad Zainal tidak kurang hebat dalam dunia seni tanah air. Berlatar pendidikan dalam Teater dari Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA), tidak hairanlah lakonannya sentiasa memberi kepuasan kepada penonton.

Terbaru, Nad terabit dalam drama Memberku Hawa yang sudah masuk musim kedua. Sejak ditayangkan pada Jun lalu di saluran Astro Ria, drama ini sudah mempunyai penonton setianya. Lebih istimewa kata Nad, pembabitan dalam drama ini telah menaikkan namanya dalam industri seni.

“Gembira kerana masih diberi kepercayaan untuk berlakon dalam drama ini bagi musim kedua ini. Walaupun pelakon-pelakon baru untuk musim ini seperti Siti Saleha. Kami tiada masalah untuk saya bergandingan. Tidak sukar untuk mencari



keserasian dan kami sama-sama gembira berlakon dalam drama ini.

“Berlakon sebagai watak Kay dalam drama ini banyak mengajar saya untuk menjadi lebih baik dan banyak mendewasakan saya. Pada musim pertama dahulu watak saya mungkin kurang

Headline	SHERRY gugup, NAD makin matang		
Media Title	Mingguan Wanita		
Date	01 Aug 2013	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	135,036
Page No	20to22	Readership	320,000
Language	Malay	Article Size	1636 cm ²
Journalist	N/A	Ad Value	RM 13,912
Frequency	Weekly	PR Value	RM 41,735

W CERITA PENGHIAS MUKA DEPAN

matang, tetapi untuk musim kedua ini lebih menampakkan kedewasaan saya. Realitinya drama ini sedikit sebanyak seperti diri saya.

"Sebagai anak tunggal, sedikit sebanyak dalam bab menguruskan hidup saya banyak bergantung kepada ibu bapa. Tapi seiring dengan peningkatan usia saya juga harus makin matang," ujar Nad yang juga pernah menjadi model iklan untuk SimplySiti dan Simple 5.

Dalam pada itu sisi kematangan terserlah bila dia berjaya menangani kritikan apabila menjadi model iklan dan duta untuk produk tuala wanita.

"Selain menjalankan tanggungjawab sebagai seorang perempuan tidak salah untuk saya berkongsi pengetahuan ini menerusi penggunaan produk ini. Tidak ada unsur lucah, bagi saya ia lebih kepada penjagaan diri wanita untuk tampil lebih bersih dengan penggunaan Kotex," katanya lagi yang sudah dua tahun menjadi duta Kotex.

Bukan diri sendiri ketika berlakon

Setiap pelakon pasti mempunyai cara kerja mereka sendiri. Begitu juga dengan Nad. Ujarnya apabila berlakon dia cuba menganggap dirinya seperti watak yang dibawa.

"Saya lakukannya dengan penuh penghayatan sehinggalah tamat set penggambaran itu. Bagi memastikan saya menjiwainya saya akan membaca skrip yang diberikan berulang kali sehinggalah faham jalan ceritanya.

"Tidak boleh dielakkan juga, saya harus banyak berbincang dengan pengarah dan rakan artis yang lain untuk mendapat hasil kerja yang bagus. Melalui perkongsian seperti itulah saya lebih

menghayati watak," jelas gadis yang turut aktif dalam teater.

Ujar Nad yang pernah terlibat dalam teater Muzikal Tun Abdul Razak, Tanda dan Makyong Sindo dia tidak dapat menafikan watak yang dibawa dalam teater lebih mencabar berbanding drama.

"Watak dalam teater lebih mencabar kemahiran seorang artis. Tindak balas yang diberikan oleh penonton lebih cepat berbanding drama yang mengambil tempoh yang lama terutamanya yang berbentuk episod," kata pelakon yang tidak pernah memilih watak ini.

Antaranya drama yang pernah dibintangi adalah seperti Kampung Girl, Putera Rayyan, Bukan Bidadari, Memberku Hawa, Ke Pintu Bahagia, Sunsilk Impian, Bloggerboy 2, Apa Dosaku, Inikah Cinta, Qolbu, Papaku Nak Kahwin, Rafik, Buaian Kasih, Elly dan Epit dan

Incredible Tales.

Setiap hari beli juadah berbuka

"Sebenarnya dari kecil pada bulan Ramadan saya kekal melakukan rutin yang sama. Mem beli juadah berbuka puasa di bazar Ramadan sudah menjadi kemestian. Sebagai anak tunggal saya dimanjakan, minta sahaja duit untuk membeli juadah berbuka pasti bapa dan ibu berikan. Ekoran itu setiap hari saya membeli juadah berbuka puasa sampailah sekarang," cerita Nad bila diminta bercerita tentang kenangan Ramadan dan Aidilfitri.

"Selain itu menjelang hari raya, zaman kanak-kanak dahulu saya

pasti tidak melepaskan peluang bermain bunga api ini. Hingga sekarang saya masih lagi bermain bunga api. Lebih menarik ibu bapa saya juga akan turut serta," tutur Nad yang enggan berbicara tentang teman istimewa meskipun mengakui sudah ada insan bertakhta di hatinya. ■

"Sebagai anak tunggal, sedikit sebanyak dalam bab menguruskan hidup, saya banyak bergantung kepada ibu bapa. Tapi seiring dengan peningkatan usia saya juga harus makin matang." - Nad.

